



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI JOHOR,
TINGKAT 8 DAN 11, LOT 20485,
MENARA TABUNG HAJI,
JALAN AYER MOLEK,
80720 JOHOR BAHRU.

Telefon : 07-2249244/2239318
Faks : 07-2239322
Laman web : www.anm.gov.my

Rujukan kami : ANM.JB(D)30/01(23)
Tarikh : 7 Disember 2021

SEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) NEGERI JOHOR

Tuan/Puan

PERINGATAN : TATACARA PENGURUSAN TERIMAAN BAGI PENUTUPAN AKAUN TAHUN 2021

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

- Untuk makluman pihak tuan/puan, selaras dengan **Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil 6/2021 – Tarikh Akhir Proses Dokumen Kewangan Bagi Tahun 2021**, semua terimaan sehingga 31 Disember 2021 hendaklah dibankkan dan diperakaunkan pada hari yang sama.
- Sehubungan itu, Semua PTJ hendaklah memastikan **semua resit yang dijana di iGFMS telah dibuat serahan wang dan Penyata Pemungut telah dibuat Peraku II selewat-lewatnya pada 30.12.2021 (Khamis)**. Tindakan PTJ bagi penutupan akaun tahun 2021 mengikut Kaedah Terimaan kerajaan hendaklah dilakukan seperti berikut:

Bil	Kaedah Terimaan	Aktiviti/Tugas	Tempoh	Tindakan
1.	Kutipan Fizikal (tunai, Draf Bank/ <i>Bankers Cheque</i> , Kiriman Wang, Wang Pos dan Cek) Peringatan: <i>Bagi terimaan secara cek, diingatkan bahawa Cek Persendirian dan Post Dated Cheque adalah TIDAK DIBENARKAN bagi mengelakkan berlakunya Cek Tak Laku.</i>	Semua terimaan pada 30.12.2021 hendaklah dibankkan pada hari yang sama.	30.12.2021 (Khamis)	Sekiranya kutipan tidak sempat diperbankkan pada 30.12.2021 (Khamis), PEMBATALAN penyata pemungut hendaklah dibuat pada hari yang sama 30.12.2021. Penyata pemungut boleh diperbankkan dan diperakaunkan pada tahun berikutnya (03.01.2022).

2.	Kutipan ePembayaran	Kutipan ePembayaran yang membuat <i>settlement function</i> pada 30.12.2021 hendaklah menyediakan resit dan Penyata Pemungut pada hari berikutnya 31.12.2021 (Jumaat).	31.12.2021 (Jumaat) 12.30 tengahari	PTJ hendaklah menyediakan resit dan Penyata Pemungut pada 31.12.2021 (Jumaat) untuk <i>settlement function</i> pada 30.12.2021.
----	---------------------	---	---	--

4. Dimaklumkan bahawa **semua jenis kutipan yang tidak diperakaunkan oleh PTJ pada atau sebelum 31.12.2021 akan dilaraskan ke Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan (ATTD) JANM Negeri Johor.** PTJ perlu memastikan **resit TIDAK dikeluarkan** semula bagi transaksi terimaan yang telah diperakaunkan ke ATTD.

5. Perhatian, kerjasama dan tindakan pihak PTJ untuk memastikan Tatacara Pengurusan Terimaan dipatuhi adalah sangat diharapkan agar terimaan di PTJ dapat diperakaunkan dengan tepat dan sempurna.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul'



(KALTHOM BINTI SALIM C.A.(M))
 Pengarah Negeri
 Jabatan Akauntan Negara Malaysia
 Negeri Johor